



# Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) mengenai Pendanaan Politik

*All-Party Parliamentary Group Malaysia (APPGM) on Political Financing*

Untuk siaran segera

## KENYATAAN MEDIA

### **KRPPM mengenai Pendanaan Politik seru Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Berbilang Parti jalankan semakan menyeluruh dan inklusif terhadap RUU Pendanaan Politik**

**Kuala Lumpur, 9 September 2022:** Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) mengenai Pendanaan Politik gembira dengan komitmen oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) YB Dato' Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar untuk membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Pendanaan Politik sewaktu sidang Parlimen bulan Oktober nanti.

Namun, memandangkan sidang Parlimen telah diawalkan ke 7 Oktober, adalah penting bahawa perbincangan mengenai kandungan rang undang-undang ini dilakukan dengan teliti, dengan Ahli-ahli Parlimen diberikan masa yang mencukupi untuk mempertimbangkan dan memberikan cadangan penambahbaikan terhadap RUU Pendanaan Politik.

"Amat penting untuk kita sedari bahawa keperluan dan kebimbangan setiap parti mengenai pendanaan politik adalah berbeza. Perbezaan ini harus dibincangkan secara terbuka dan diambil kira untuk memastikan RUU ini adil kepada semua parti politik. Amat penting juga untuk Ahli Parlimen diberi peluang untuk menerima nasihat dan input daripada pakar dan pemegang taruh. Contoh terkini Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang ditubuhkan untuk mempertimbangkan RUU Anti Lompat Parti adalah satu contoh positif dan perlu dilakukan juga untuk Pendanaan Politik. Memperkenalkan satu RUU sepenting ini tidak seharusnya dilakukan dengan terburu-buru dan pertimbangan yang melibatkan semua pihak merupakan satu keperluan", ulas YB Ahmad Fadhli, Pengerusi KRPPM mengenai Pendanaan Politik.

Sambung YB Ahmad Fadhli, "Oleh itu, KRPPM mengenai Pendanaan Politik ingin menyeru kerajaan untuk bersetuju menggubal satu RUU Pendanaan Politik yang mengambil yang terbaik daripada kedua-dua RUU yang disediakan oleh Jabatan Peguam negara dan KRPPM ini, berbanding tergesa-gesa membentangkan RUU oleh Jabatan Peguam Negara dalam sidang Dewan Rakyat pada bulan Oktober - November."

"Draf RUU yang disediakan oleh KRPPM ini telah dikemukakan sebagai satu Rang Undang-Undang Persendirian kepada Dewan Rakyat pada 13 Julai 2022. Kami berharap beberapa aspek daripada RUU kami ini akan dipertimbangkan oleh pihak kerajaan, termasuk elemen penting berkenaan pendanaan awam untuk parti politik, malah kami bersedia untuk menyumbang kepada proses merangka perundangan yang penting ini yang akan memberi impak ketara terhadap demokrasi Malaysia," kata YB Ahmad Fadhli.



# Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) mengenai Pendanaan Politik

*All-Party Parliamentary Group Malaysia (APPGM) on Political Financing*

Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS (Sekretariat kepada KRPPM mengenai Pendanaan Politik) Dr Tricia Yeoh, berkata, "Kami memahami bahawa Menteri Undang-Undang Dato' Seri Wan Junaidi telah memberikan komitmen beliau untuk mengadakan rundingan dengan pertubuhan masyarakat sivil dan semua parti politik sebagai sebahagian daripada proses menggubal RUU, dan hal ini amat dialu-alukan. Daripada perspektif pertubuhan masyarakat sivil dan badan pemikir, kami juga percaya bahawa satu Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen berbilang parti merupakan kaedah terbaik untuk menjalankan semakan terhadap draf RUU kerajaan. Kami berharap untuk melihat proses ini dibawa ke sidang Parlimen yang akan datang. Akhir sekali, kami juga berharap untuk melihat ahli dan parti politik kedua-dua belah pihak menyokong penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen ini."

--- TAMAT ---

## Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Halmie Azri Abdul Halim  
Eksekutif, Demokrasi dan Tadbir Urus  
[halmie@ideas.org.my](mailto:halmie@ideas.org.my)

Louis Denis  
Pengurus Perhubungan Luar  
[louis@ideas.org.my](mailto:louis@ideas.org.my)

## Tentang KRPPM Mengenai Pendanaan Politik

KRPPM Mengenai Pendanaan Politik telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 20 April 2022. Objektif utama KRPPM Mengenai Pendanaan Politik adalah untuk mewujudkan satu sarana supaya para Ahli Parlimen, Senator dan organisasi masyarakat sivil (CSO) dapat mengadakan perbincangan serta mempertimbangkan kepentingan pembaharuan pendanaan politik di Malaysia.

## Anggota KRPPM Mengenai Pendanaan Politik

### Ahli Parlimen

1. YB Tuan Ahmad Fadhli bin Saari (PAS - Pasir Mas)  
Pengerusi
2. YB Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil (PKR - Lembah Pantai)  
Timbalan Pengerusi
3. YB Puan Wong Shu Qi (DAP - Kluang)



# Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) mengenai Pendanaan Politik

*All-Party Parliamentary Group Malaysia (APPGM) on Political Financing*

## Setiausaha

4. YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau (UPKO - Tuaran)  
Bendahari
5. YB Dato' Sri Saifuddin bin Abdullah (PPBM - Indera Mahkota)
6. YB Dato' Seri Utama Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir (Pejuang - Jerlun)
7. YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan (UMNO - Pontian)
8. YB Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman (MUDA - Muar)
9. YB Tuan Larry Soon@Larry Sng Wei Shien (Parti Bangsa Malaysia - Julau)

## Senator

YB Puan Fadhlina binti Dato' Sidek, Pulau Pinang (PKR)

## Ahli CSO

1. Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) (Sekretariat)
2. Agora Society
3. Bait Al-Amanah
4. Pusat untuk Memerangi Rasuah dan Kronisme (C4)
5. Engage Network
6. G25 Malaysia
7. Gabungan Pilihanraya Bersih dan Adil (BERSIH)
8. Rasuah Busters
9. Transparency International-Malaysia (TI-M)
10. Badan Peguam Malaysia
11. Puan Maha Balakrishnan (Pakar)
12. Prof. Wong Chin Huat (Pakar)



# **Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) mengenai Pendanaan Politik**

*All-Party Parliamentary Group Malaysia (APPGM) on Political Financing*

For immediate release

## **MEDIA STATEMENT**

### **APPG on Political Financing calls for Multipartisan Parliamentary Special Select Committee to conduct a comprehensive and inclusive review of a Political Financing Bill**

**Kuala Lumpur, 9 September 2022:** The All-Party Parliamentary Group (APPG) on Political Financing is encouraged by the commitment by the Minister of Law and Parliamentary Affairs, Dato' Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar to table the Political Financing Bill during the October parliamentary sitting.

However, considering that the sitting has been brought forward to 7 October, it is imperative that deliberations on the Bill's contents be done thoroughly, with Members of Parliament (MPs) given sufficient time to consider and recommend improvements to the Bill.

"It is important to realise that the needs and concerns of each party with regards to political financing will differ. These differences must be openly discussed and taken into consideration to ensure the Bill is fair to all political parties. It is also vital that MPs are given the opportunity to receive advice and input from subject matter experts and stakeholders. The recent example of the PSSC set up to deliberate the Anti-Hopping Bill is a positive one and ought to be replicated for Political Financing as well. Introducing a Bill as important as this should not be rushed and deliberation with all parties is a must", stated YB Ahmad Fadhli, Chair of the APPG on Political Financing.

YB Ahmad Fadhli continued, "Hence, the APPG on Political Financing would like to call on the government to agree to formulate a Political Financing Bill that draws the best from the bill prepared by the AG Chambers and the bill prepared by this APPG, instead of rushing through the AG Chamber's Bill in the October - November Dewan Rakyat meeting."

"Our APPG's draft Bill was submitted as a Private Member's Bill to the Dewan Rakyat on 13 July 2022. We are hopeful that some aspects from our Bill will be considered by the Government, including the important element on public funding of political parties, and we remain ready to contribute to the process of drafting this important legislation that will have a significant impact on Malaysia's democracy," said YB Ahmad Fadhli.



# Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) mengenai Pendanaan Politik

*All-Party Parliamentary Group Malaysia (APPGM) on Political Financing*

IDEAS CEO (Secretariat to the APPG on Political Financing) Dr Tricia Yeoh, commented, “We understand that the Law Minister Dato’ Seri Wan Junaidi has committed to consulting both civil society and all political parties as part of the process, and this is indeed welcomed. From the civil society and think tank perspective, we also believe that a multipartisan Parliamentary Special Select Committee is the best method to achieve a thorough review of the government’s draft Bill. We look forward to seeing the process brought forward in the upcoming Parliamentary sitting. Finally, we also hope to see politicians and political parties across the divide supporting the formation of the PSSC.”

--- END ---

## **For enquiries, please contact:**

Halmie Azri Abdul Halim  
Executive, Democracy and Governance  
[halmie@ideas.org.my](mailto:halmie@ideas.org.my)

Louis Denis  
Manager, External Relations  
[louis@ideas.org.my](mailto:louis@ideas.org.my)

## **About the APPGM on Political Financing**

The APPGM on Political Financing was approved by the Dewan Rakyat on 20 April 2022. The main objective of the APPGM is to establish a platform where MPs, Senators and CSOs can deliberate and discuss the importance of political financing reforms in Malaysia.

## **APPGM on political financing members**

### **Members of Parliament**

1. YB Tuan Ahmad Fadhli bin Saari (PAS - Pasir Mas)  
Chairman
2. YB Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil (PKR - Lembah Pantai)  
Deputy Chairman
3. YB Puan Wong Shu Qi (DAP - Kluang)  
Secretary
4. YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau (UPKO - Tuaran)  
Treasurer
5. YB Dato’ Sri Saifuddin bin Abdullah (PPBM - Indera Mahkota)



# **Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM)** **mengenai Pendanaan Politik**

*All-Party Parliamentary Group Malaysia (APPGM) on Political Financing*

---

6. YB Dato' Seri Utama Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir (Pejuang - Jerlun)
7. YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan (UMNO - Pontian)
8. YB Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman (MUDA - Muar)
9. YB Tuan Larry Soon@Larry Sng Wei Shien (Parti Bangsa Malaysia - Julau)

## **Senator**

YB Puan Fadhlina binti Dato' Sidek, Pulau Pinang (PKR)

## **CSO Members**

1. Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) (Secretariat)
2. Agora Society
3. Bait Al-Amanah
4. Center to Combat Corruption and Cronyism (C4)
5. Engage Network
6. G25 Malaysia
7. Gabungan Pilihanraya Bersih dan Adil (BERSIH)
8. Rasuah Busters
9. Transparency International-Malaysia (TI-M)
10. Malaysian Bar Council
11. Puan Maha Balakrishnan (Expert)
12. Prof. Wong Chin Huat (Expert)